

PENDEKATAN DAKWAH KE ARAH MEMPERKASAKAN PELANCONGAN ISLAM DI MALAYSIA

THE APPROACH OF DAKWAH TOWARDS STRENGTHENING ISLAMIC TOURISM IN MALAYSIA

Latifah Mustafa¹
Hisham Sabri²
Junaidah Abu Seman³

¹Siswazah. Unit Program Generik, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
(E-mail: latifahmustafa1996@raudah.usim.edu.my)

²Pensyarah Kanan. Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
(Email: hishams@usim.edu.my)

³Pensyarah Kanan. Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
(E-mail: junaidah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 18-3-2022

Revised date : 19-3-2022

Accepted date : 10-4-2022

Published date : 15-6-2022

To cite this document:

Mustafa, L., Sabri, H., & Abu Seman, J. (2022). Pendekatan Dakwah ke Arah Memperkasakan Pelancongan Islam di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 18 - 33.

Abstrak: Pelancongan adalah merupakan salah satu medium penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat dengan menggunakan pendekatan yang Islamik contohnya dalam penyediaan premis, makanan dan minuman halal serta pakej pelancongan mesra Muslim. Di Malaysia, Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MS2610:2015) digunakan sebagai rujukan utama berkaitan prosedur pelaksanaan mesra Muslim. Standard ini telah dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia berdasarkan pandangan dan komentar dari pihak akademik dan industri. Walaupun begitu, terdapat sebahagian pemain industri tidak melaksanakan hospitaliti mesra Muslim disebabkan oleh penyelarasan polisi dan garis panduan yang kurang jelas. Matlamat kajian ini ialah untuk memahami standardasi perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim di Malaysia dan meneroka pendekatan dakwah profesional bagi memperkasakan pelancongan Islam. Kajian ini menggunakan metod kepustakaan iaitu melihat sumber-sumber daripada data sekunder dan dokumen berkaitan. Kajian ini membuat analisa berdasarkan lima komponen dakwah iaitu *da'i* (pendakwah), *mad'u* (sasaran dakwah), *mad'u bihi* (kandungan), *qawa'id* (kaedah) dan *uslub* (pendekatan). Dapatan kajian menunjukkan bahawa standardasi mesra Muslim memberi impak positif ke arah pemerkasaan pelancongan Islam. Pihak berautoriti, badan pensijilan dan juruaudit berperanan sebagai *da'i* untuk menggalakkan pemain industri menawarkan produk dan perkhidmatan yang tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Signifikasinya, pelaksanaan PHMM dapat memenuhi keperluan pelancong Muslim terutamanya bagi penyediaan penginapan. Indikator-indikator standard mesra Muslim adalah meliputi aspek bilik mempunyai ruang solat yang mencukupi, verifikasi arah kiblat, penyediaan makanan dan minuman halal, tandas yang dilengkapi dengan bidet serta kemudahan fasiliti yang berasingan. Kesimpulannya, kriteria standard yang dipatuhi melayakkkan sesebuah premis memperolehi pengiktirafan oleh badan pensijilan. Selain itu, integriti produk juga dapat dipelihara di samping mengukuhkan syiar dakwah dalam perkhidmatan pelancongan Islam.

Oleh demikian, pensijilan itu penting dalam usaha untuk melonjakkan reputasi negara di peringkat dunia.

Kata Kunci: Standardasi, Hospitaliti Mesra Muslim, Elemen Dakwah, Pelancongan Islam

Abstract: *Tourism is one of the mediums for spreading the Islamic preaching to the community by using Islamic approach through premise provision, halal food and beverage and Muslim friendly tourism package. In Malaysia, Muslim Friendly Hospitality Services (MS2610:2015) as the main reference related to the procedures of Muslim friendly implementation. This standard has been developed by the Department of Standards Malaysia based on views and comments from the academician and industry. Even so, there are some industry players who do not implement Muslim -friendly hospitality due to lack of policy coordination and guidelines. The objectives of study focus are to study the standardization of Muslim -friendly hospitality services in Malaysia and explore the professional dakwah approach to empower Islamic tourism. This study used library method based on the sources from secondary data and related documents. This study makes an analysis based on five components of da'wah, namely da'i (preacher), mad'u (target of da'wah), mad'u bihi (content), qawa'id (method) and uslub (approach). The findings of the study indicate that Muslim-friendly standardization has a positive impact towards the empowerment of Islamic tourism. The authorities, certification bodies and auditors as the da'i to encourage industry players offering products and services that are not contradict to Shariah principles. Significantly, the implementation of PHMM can cater the needs of Muslim tourists, especially for the provision of accommodation. Muslim-friendly standard indicators include the aspect of the room having adequate prayer space, verification of Qibla direction, provision of halal food and beverages, toilets equipped with bidets as well as separate facilities. In conclusion, the standard criteria complied with qualifies a premise to obtain recognition by the certification body. At the same time, it can preserve the integrity of the product as well as strengthen the message of dakwah in Islamic tourism services. Hence, certification is important to boost the country's reputation on the world stage.*


Keywords: Standardization, Muslim Friendly Hospitality, Dakwah Element, Islamic Tourism

Pengenalan

Negara Malaysia telah diiktiraf sebagai destinasi popular pelancongan Islam dengan pelbagai kemudahan, produk dan perkhidmatan (Abdul Rahman, 2018). Sebagai sebuah negara Islam yang menjadi tumpuan seluruh dunia, pemain industri di Malaysia banyak menawarkan hospitaliti berkonsepkan mesra Muslim (Yahaya et al., 2020). Menurut Usman et al., (2019), penginapan adalah prasarana paling penting bagi pelancong Muslim. Ia juga sebagai kunci utama dalam pembangunan sektor pelancongan Islam di Malaysia. Maka, hotel mesra Muslim menjadi satu segmen penting dalam memenuhi keperluan komuniti Muslim. Penyediaan hotel mesra Muslim memberi ruang kepada pengunjung dalam mahupun luar negara untuk membuat pilihan hotel yang memenuhi kriteria Islam.

Jika dilihat dari sudut populasi pelancong di Malaysia pada masa kini, terdapat pertumbuhan kadar kunjungan pelancong dalam negeri dan antarabangsa. Malah, terdapat beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama dalam menjana pendapatan negara (Bhuiyan et al., 2011). Menjelang tahun 2025, satu perempat daripada penduduk dunia adalah dalam kalangan umat Islam (DOSM, 2021). Kadar perbelanjaan pelancong Muslim meningkat sebanyak 4.79% bagi tahun 2012 sehingga tahun 2020. Statistik

ini adalah lebih tinggi di pasaran ekonomi kerana majoritinya adalah daripada kalangan pelancong Muslim (Suid et al., 2017). Laporan daripada *Pew Research Center Religion & Public Life*, (2015) menunjukkan bahawa umat Islam adalah satu-satunya kumpulan agama yang meningkat lebih cepat daripada populasi dunia secara keseluruhan seperti rajah 1.



Rajah 1: Anggaran Perubahan Saiz Populasi Agama Di Dunia 2010–2050

Sumber: (*Pew Research Center's Forum on Religion and Public Life's*, 2015)

Oleh itu, usaha mempromosi Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim haruslah terus dipergiatkan bagi merebut potensi pasaran yang semakin meningkat (Abdul Rahman, 2018). Berpandukan hasil kaji selidik oleh *Mastercard-Crescent Rating Global Muslim Travel Index* (GMTI) (2018), Malaysia memperolehi jumlah skor destinasi pelancongan negara Islam OIC sebanyak 80.6 berbanding Indonesia dan Arab Saudi dalam kedudukan yang sama dengan skor 72.8 (Mastercard & CrescentRating, 2018). Jumlah tersebut berdasarkan tahap penyediaan PHMM yang mudah didapati seperti restoran halal serta penyediaan ruang solat (Che Omar & Islam, 2019). Slogan “*Muslim-Friendly*” yang diperkenalkan oleh ITC dapat membangunkan pelancongan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih mampan (ITC, 2015).

Berikutnya itu, isu yang timbul dalam industri perhotelan adalah penggunaan standard serta polisi pengurusan hotel yang kurang jelas (Bhuiyan et al., 2011). Menurut Suci et al., (2020) penggunaan standard yang tetap dan terikat kepada semua operator hotel menjadi masalah dalam pelaksanaan di peringkat global dan domestik. Pengkaji mendapati terdapat kekurangan indikator standardasi pelancongan dalam konsep hotel mesra Muslim. Manakala, Abdul Rahman (2018), menjelaskan bahawa tidak ada lagi garis panduan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menentukan parameter hospitaliti mesra Muslim menurut Syariah. Manakala, Kamri et al., (2020), berpendapat sebahagian hotel telah mendakwa premis mereka sebagai hotel patuh Syariah atau hotel Islamik. Walaupun begitu, terdapat juga hotel yang tidak membuat pendakwaan sedemikian, namun tetap menawarkan perkhidmatan mesra Muslim. Realitinya kebanyakan operator hotel masih kabur berkenaan kriteria sebenar hotel Islamik (Ahmad, 2019).

Oleh itu, polisi dan garis panduan mesra Muslim perlu diselaraskan bagi membentuk standard yang lebih komprehensif. Dengan adanya standard, pemain industri berpeluang untuk memperolehi pensijilan mesra Muslim yang berautoriti dan diiktiraf oleh agensi kerajaan. Pensijilan itu penting dalam usaha untuk melonjakkan reputasi negara di peringkat dunia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membincangkan tentang pendekatan dakwah ke arah memperkasakan eko-sistem pelancongan Islam di Malaysia menerusi standard MS2610:2015.

Sorotan Literatur

Salleh et al., (2010) membincangkan bahawa pelancongan Islam mempunyai perkaitan dengan tragedi pengganas pada 11 September 2001 iaitu penyerangan ke atas Amerika Syarikat. Hal ini telah mempengaruhi dunia industri pelancongan iaitu mencetuskan percambahan pemikiran sekular mengenai Islam dan ekstremisme (Al-hamarneh & Steiner, 2004). Berikut daripada tragedi itu, kebanyakan negara termasuk Amerika Syarikat, UK, Australia, dan negara-negara Eropah telah memperketatkan polisi pelancongan mereka terhadap pengunjung Arab. Kesannya, Malaysia, dan negara Asia lain seperti Indonesia dan Brunei, telah menjadi destinasi percutian yang popular bagi pelancong Arab atau Muslim (Ibrahim et al., 2009).

Di samping itu, industri hospitaliti mesra Muslim mencetuskan fenomena pelancongan Islam yang telah wujud sejak ribuan tahun dahulu. Oleh itu, perbincangan mengenai pelancongan Islam boleh didapati dalam banyak sorotan kajian lepas, yang membincangkan topik ini secara mendalam dari pelbagai sudut. Selain itu, pelancongan Islam sehingga kini mempunyai pelbagai definisi mengikut kefahaman berdasarkan penyelidikan masing-masing (Noor Fiteri & Masnisah, 2014).

Pelancongan Islam Menurut Perspektif Agama Islam

Pelancongan Islam ialah berpegang utuh kepada ajaran Islam dengan panduan sumber al-Quran dan as-Sunnah. Umat Islam berperanan penting dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam. Berdasarkan kajian Usman et al., (2019), pelancongan mendorong kepada niat yang baik seperti melihat kebesaran ciptaan Allah SWT, memperolehi pengetahuan dan melihat keindahan ciptaan Allah SWT. Laderlah et al., (2011) menyatakan aktiviti tersebut boleh dianggap sebagai ‘ibadah’ dan ‘dakwah’. Semua kegiatan yang dilakukan merupakan ‘ibadah’ selama mana tujuan dan niat adalah mencari keredhaan Allah SWT dan menghindari daripada kemungkaran (Suid et al., 2017). Manakala, Siti Syahirah Saffinee et al., (2017) turut menjelaskan bahawa tujuan pelancongan Islam adalah sebagai konsep pertempuran (jihad) kerana menyanjungi Islam dalam kehidupan walaupun semasa melancong.

Secara praktikal, konsep pelancongan Islam merujuk kepada kesejahteraan hidup dan mengurangkan tekanan kerana mempunyai arah tuju atau matlamat yang jelas seiring dengan prinsip Islam (Zamani-farahani & Henderson, 2010). Ini menunjukkan bahawa Islam tidak melarang aktiviti melancongerana aktiviti tersebut adalah digalakkan dengan syarat seseorang individu itu tidak mengabaikan kewajiban sebagai seorang Muslim. Terdapat beberapa surah di dalam al-Quran yang menjelaskan mengenai aktiviti pelancongan.

Firman Allah SWT dalam surah *al-Ankabut*:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقُ ثُمَّ أَنَّ اللَّهَ يُنِيشُّ النَّشَأَةَ
 الْآخِرَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Katakanlah, “Berjalanlah di bumi, maka perhatikanlah bagaimana (Allah) memulai penciptaan (makhluk), kemudian Allah menjadikan kejadian yang akhir. Sungguh, Allah Mahakuasa atas segala sesuatu. (Quran, 29:20).

Surah *al-Rum* Allah SWT berfirman:

فُلُّ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَدْقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِ^١

كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُشْرِكِينَ 

Maksudnya: Katakanlah (Muhammad), “Bepergianlah di bumi lalu lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang dahulu. Kebanyakan dari mereka adalah orang-orang yang mempersekuatuan (Allah)”. (Quran, 30:42).

Surah *al-An'am* penegasan Allah SWT.

فُلُّ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَدْقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ 

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul) itu." (Quran, 6:11).

Surah *al-Hajj*, Allah SWT berfirman:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ
بِهَا أَوْ عَادَنْ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَارُ
وَلَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ 

Maksudnya: Maka tidak pernahkah mereka berjalan di bumi, sehingga hati (akal) mereka dapat memahami, telinga mereka dapat mendengar? Sebenarnya bukan mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada. (Quran, 22:46).

Berpandukan empat surah yang telah disebutkan dalam al-Quran berhubung dengan ayat-ayat galakan melakukan aktiviti pelancongan atau pengembalaan. Aspek-aspek tersebut berfungsi sebagai pedoman kepada masyarakat untuk meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengagumi kekuasaannya apabila memikirkan, meneliti kesan peninggalan umat terdahulu. Dalam pada itu, Allah SWT menempelak orang-orang kafir yang tidak muh beriman meskipun telah keluar mengembara melihat kesan-kesan azab yang berlaku terhadap kemasyrikan umat terdahulu dan tidak muh beriman (Md Ariffin, 2021). Dalam konteks ini galakan terhadap aktiviti pelancongan bagi umat Islam sudah tentu seiring dengan aspek hospitaliti yang menjadi topik perbincangan penting dalam penyelidikan ini. Oleh itu, pelancongan Islam berpotensi untuk membangunkan jambatan budaya dan mewujudkan dunia yang lebih baik seperti melahirkan masyarakat yang menitikberatkan elemen Syariah, bersifat toleransi, serta mempunyai persefahaman antara satu sama lain (Noor Davids, 2015).

Konsep Pelancongan Islam

Menurut Battour, M et al., (2010), pelancongan Islam ialah berlandaskan Syariah dan kod etika Islam. Noor Davids, (2015) menyatakan bahawa pelancongan Islam ialah bersifat holistik kerana mempunyai perkaitan dengan minat seseorang terhadap intelektual dan budaya Islam.

Pelancongan Islam juga boleh ditakrifkan sebagai pelancongan yang kebanyakannya dalam kalangan masyarakat Muslim (Al-Hamarneh & Steiner, 2004). Pusat Pelancongan Islam (ITC) (2021), mendefinisikan pelancongan Islam sebagai “apa jua aktiviti, acara, pengalaman, atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan melancong atau bermusafir bertepatan dengan ajaran Islam”. Menurut Mapjabil et al., (2015) pula, pelancongan Islam melibatkan perjalanan seseorang keluar daripada rumah untuk masa yang singkat dengan tujuan dan niat yang berlandaskan falsafah Islam. Abdul Rahman, (2018) dan Tajzadeh Namin, (2013), sependapat pelancongan Islam ialah pelancongan halal, iaitu satu aktiviti pelancongan yang tidak melibatkan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan syariat Islam. Berikutan itu, Laderlah et al., (2011) menjelaskan bahawa pelancongan Islam boleh dikategorikan sebagai aktiviti yang fleksibel, rasional, mudah dan seimbang dengan tujuan untuk mencari ketakwaan Allah swt. Kajian ini pula mendefinisikan pelancongan Islam sebagai aktiviti penyediaan hospitaliti mesra Muslim oleh pemain industri. Segmentasi PHMM menjadi salah satu produk pelancongan Islam yang semakin popular di kalangan masyarakat tempatan dan luar negara.

Konsep Dakwah

Dakwah ialah menyeru, menganjurkan atau mengajak kepada sesuatu hal sama ada baik atau buruk (M. F. R. Abdullah, 2019). Pada dasarnya, dakwah dalam Islam dapat mewujudkan *khaira ummah* iaitu masyarakat adil dan makmur di bawah lindungan Allah SWT (Alimuddin, 2007). Menurut Imam al-Ghazali, dakwah, merangkumi semua peringkat yang mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup bagi menyingkap petunjuk jalan kepada mereka (Mokhtar et al., 2014). Dr Yusuf al-Qardawi turut menjelaskan, ia adalah usaha menyampaikan syiar Islam kepada golongan lain agar mengikut petunjuk Allah SWT dan melaksanakan segala ketetapan di muka bumi khususnya segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah semata-mata. (S. F. Abdullah et al., 2006). Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Nahl*:

أَدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَنِيدُهُمْ بِالَّتِي هُنَّ
 أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ



Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk (Quran, 16:125).

Potongan ayat ini jelas menunjukkan pendakwah hendaklah mencontohi dan menteladani cara dan kaedah dakwah baginda. Rasulullah SAW sebagai idola yang sempurna, tidak kira sama ada dari segi pemikiran mahupun tingkah laku. Terdapat beberapa perkara yang menjadi asas dalam berdakwah. Sepertimana yang dinyatakan dalam kajian Ghazali, (2020), tentang pendekatan dakwah menurut pandangan Abdul Karim Zaidan. Menurutnya, *wasilah* dakwah terbahagi kepada dua iaitu luaran dan dalaman. Wasilah luaran mempunyai tiga aspek iaitu kewaspadaan, memohon bantuan orang lain dan disiplin. Sementara wasilah dalaman merangkumi dakwah dengan perkataan, dakwah dengan perbuatan dan dakwah dengan akhlak

yang baik. Adapun, M. F. R. Abdullah, (2019) menyatakan bahawa dakwah kepada masyarakat majmuk di Malaysia hendaklah berpandukan kepada enam perkara iaitu: pendakwah, sasaran dakwah, kaedah dakwah, medium dakwah, bahan dakwah dan keberkesanan dakwah. Kajian ini menganalisa lima komponen iaitu *da'i* (pendakwah), *mad'u* (sasaran dakwah), *mad'u bihi* (kandungan), *qawa'id* (kaedah) dan *uslub* (pendekatan). Bagaimanapun, kesemua perbincangan di atas adalah rukun dakwah dalam Islam.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini ialah penyelidikan kualitatif yang menggunakan analisis dokumen sebagai sumber utama pengumpulan data. Analisis dokumen atau dikenali sebagai *document analysis* merujuk kepada kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan. Ia merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang dicetak, disiarkan atau digambarkan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kesemuanya dirujuk bagi menghuraikan standardasi pelaksanaan PHMM.

Dapatkan Kajian

Hasil pengumpulan data membangkitkan tentang pemahaman standardasi perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim di Malaysia serta tiga topik perbincangan merangkumi konsep dakwah, rukun-rukun dakwah dan pelancongan menurut perspektif Islam. Pendekatan dakwah secara professional dalam kajian ini adalah mengambil kira peranan kerajaan yang bertanggungjawab mencapai ke arah memartabatkan nilai-nilai mesra Muslim dalam sektor pelancongan di Malaysia.

Memahami Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim

Mengikut Standard Malaysia (2015), Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim ialah syarat yang berpandukan Syariah kepada pengurus industri pelancongan dalam mewujudkan sistem jaminan untuk memelihara integriti produk dan perkhidmatan yang disediakan. Istilah perkhidmatan “Mesra Muslim” dalam industri hospitaliti adalah salah satu segmen penting khususnya dalam memenuhi keperluan pelancongan Muslim (Yahaya et al., 2020). Ia juga merujuk kepada produk pelancongan, rekreasi dan kegiatan sosial yang mematuhi Syariah (Oktadiana et al., 2016: 175; Al-Hamarneh & Steiner, 2004). Konsep dan komponen pelancongan Muslim juga melibatkan pemain industri dalam mengembangkan infrastruktur dan kemudahan pelancongan seperti menyediakan pakej pelancongan halal dan perkhidmatan mesra Muslim (Battour, M & Ismail, 2016).

Idea pembentukan pelancongan “Muslim” mencerminkan tiga konsep utama iaitu ekonomi, budaya dan agama (Suid et al., 2018: 258). Konsep ekonomi memberi tumpuan kepada kepentingan pelancongan Muslim sebagai pasaran baru untuk diintegrasikan dalam strategi pembangunan industri hospitaliti di Malaysia. Manakala, konsep budaya membantu melestarikan dan memulihara warisan produk Islam seperti mencipta produk atau pakej baru pelancongan yang berasaskan mesra Muslim. Selain itu, konsep keagamaan yang berasaskan kepada pemahaman Islam yang konservatif adalah kurang signifikan dalam realiti semasa. Sehubungan itu, penggabungan industri pelancongan dengan kehidupan Muslim yang dinamik mampu mencetuskan pilihan produk pelancongan baru yang berbeza dengan produk sedia ada (Al-Hamarneh & Steiner, 2004). Jelaslah, penglibatan faktor sosial, agama dan ekonomi menyumbang kepada proses pembangunan pelancongan Muslim.

Menurut Battour & Ismail (2016), pelancongan Muslim atau sering disebut sebagai pelancongan Islam atau pelancongan mesra Muslim adalah konsep baru dalam industri pelancongan yang membuka peluang baru untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Azam

et al., (2019), turut menjelaskan definisi pelancongan yang diberikan oleh *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO) merangkumi aspek sasaran pengguna, destinasi, tujuan pelancongan, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Malah ia tidak terhad kepada pelancong Muslim, bahkan terbuka kepada semua komuniti masyarakat yang turut serta dalam aktiviti pelancongan. Namun begitu, aktiviti berkenaan tidak boleh bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan seperti penyediaan perkhidmatan yang memberi keselesaan dan ketenangan kepada pelancong Muslim berdasarkan standardisasi hotel mesra Muslim (Alim et al., 2015). Demikian pula, PHMM merupakan inovasi dalam mengembangkan potensi sektor pelancongan dan perindustrian dalam pasaran ekonomi di peringkat global.

Muslim Friendly Halal Hospitality Service-Requirement (MS 2610:2015)

Jabatan Standard Malaysia iaitu sebuah agensi pembangunan standard telah mengambil inisiatif untuk membangunkan MS2610:2015. Dalam konteks pelancongan, MS2610:2015 digunakan sebagai rujukan penting berkaitan prosedur pelaksanaan PHMM. Standard ini telah diterbitkan secara rasmi pada Disember 2015, juga dikenali sebagai *Muslim-Friendly Hospitality Services-Requirements*. Menurut Hamiza et al., (2017) dengan kajiannya yang bertajuk “*Islamic Hospitality With Special Reference To Malaysia*”, menyatakan bahawa pembentukan standard ini adalah melibatkan usaha sama beberapa organisasi lain. Antaranya adalah Pusat Pelancongan Islam (ITC) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), *Malaysia Association of Hotel Owners* (MAHO), *Malaysia Association of Hotel* (MAH), *Malaysia Association of Tour and Travel Agents* (MATTA), *Bumiputera Travel and Tour Agents Association of Malaysia* (Bumitra), *Malaysian Tourist Guides Council* (MTGC), *International Institute for Halal Research & Training* (INHART) – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (MS2610:2015, Standard, 2015).

Terdapat beberapa kajian telah membincangkan mengenai syarat keperluan hospitaliti mesra Muslim dan pelancongan di Malaysia seperti J.Ahmad Sahir, (2018); Samori & Sabtu, (2014). Berdasarkan klaus 5.2 dalam MS2610:2015, setiap organisasi perlu memastikan bahawa premis penginapan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam piawaian ini. Antaranya adalah haiwan yang dikategorikan sebagai najis mughallazah seperti anjing tidak dibenarkan membawa masuk ke kawasan penginapan. Sekiranya bangunan itu tercemar dengan najis mughallazah, pihak organisasi harus melakukan kaedah pembersihan dan penyucian berdasarkan prosedur tertentu. Pelaksanaan tertu boleh dibuat sepertimana yang dinyatakan dalam piawaian MS1500:2019. Terdapat lima komponen utama bagi penginapan berdasarkan standard MS2610:2015. Jadual 2 menunjukkan penerangan lanjut berkaitan penetapan syarat-syarat keperluan bagi penginapan iaitu merangkumi bilik, makanan dan minuman, musolla awam, tandas awam serta prasarana rekreasi dan kesihatan (Standard Malaysia, 2015).

Jadual 2: Syarat-syarat Keperluan Spesifik MS 2610:2015

Komponen	Penerangan
Bilik	<p>Organisasi harus memastikan bilik sesuai untuk tetamu Muslim tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bilik hendaklah dijaga bersih dan dalam keadaan baik. b) Memastikan bahawa bilik-bilik mempunyai kiblat yang jelas dan disahkan oleh pihak berkuasa. c) Bilik-bilik harus mempunyai ruang mencukupi untuk solat di bilik. d) Bilik air hendaklah dilengkapi dengan bidet, pancuran tangan. e) Lantai tandas hendaklah sentiasa bersih.


Komponen	Penerangan
	<p>f) Memastikan bahawa kemudahan dan / atau produk penjagaan diri yang disediakan di bilik air sesuai untuk kegunaan Muslim.</p> <p>g) Alkohol dan minuman keras tidak boleh disimpan di dalam peti sejuk bilik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berikut adalah peruntukan yang disyorkan untuk tetamu Muslim yang berkaitan tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut. <p>a) Menyediakan sajjada untuk kegunaan di dalam bilik atau atas permintaan tetamu.</p> <p>b) Bilik harus menyediakan telekung yang bersih atau disediakan atas permintaan.</p> <p>c) Maklumat mengenai waktu solat harus tersedia di bilik atau atas permintaan</p> <p>d) Mempunyai al-Quran terjemahan atau disediakan atas permintaan tetamu.</p> <p>Organisasi disyorkan untuk memberikan layanan yang mesra kepada tetamu kurang upaya dengan baik.</p>
Makanan dan minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Dapur organisasi hendaklah diiktiraf halal oleh pihak berkuasa. • Organisasi hendaklah memastikan bahawa maklumat mengenai perkhidmatan pada bulan Ramadan adalah tersedia dan dimaklumkan. Perkhidmatan ini merangkumi waktu dan makanan untuk sahur dan iftar.
Musolla	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat musalla awam diperuntukkan untuk Muslim dalam kawasan atau sekitarnya. • Keperluan musalla awam adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Terletak di lokasi yang sesuai dan mempunyai papan tanda yang khusus untuk musalla; b) Pengudaraan yang mencukupi, bersih, kemas, dijaga dengan baik. c) Mempunyai arah kiblat yang ditandai dengan jelas dan disahkan oleh pihak berkuasa. d) Mempunyai ruang solat yang terpisah untuk lelaki dan wanita e) Mempunyai jumlah sajada yang mencukupi f) Mempunyai maklumat terkini mengenai waktu solat atau atas permintaan g) Menyediakan kelengkapan solat wanita yang bersih atau atas permintaan h) Mempunyai kemudahan wudhu untuk lelaki dan wanita berdekatan dengan musalla.
Tandas awam	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan tandas awam adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Bilik air hendaklah dilengkapi dengan bidet, pancuran tangan atau selang air; b) Lantai bilik air hendaklah sentiasa bersih c) Kemudahan / produk yang disediakan di bilik air sesuai untuk kegunaan orang Islam.
Fasiliti & pusat rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk kemudahan rekreasi adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Kemudahan rekreasi dan kesihatan hendaklah dijaga dengan bersih dan ; b) Bilik mandi hendaklah dilengkapi dengan bidet atau pancuran mandian tangan. c) Organisasi hendaklah menyediakan kemudahan yang mesra Muslim jika bersesuaian.

Sumber: (MS2610:2015, Jabatan Standard Malaysia, 2015)

Demikian, MS2610:2015 digunakan sebagai penanda aras untuk melaksanakan hospitaliti mesra Muslim. Amer Nordin & Abd Rahman, (2018) menyatakan bahawa standad ini tidak komprehensif dan memerlukan penambahbaikan dalam memperincikan kriteria penginapan mesra Muslim seperti dekorasi bilik. Walaupun begitu, MS2610:2015 adalah bersifat generik dan bukan mandatori kepada premis penginapan, pakej pelancongan dan pemandu pelancong (Standard, 2015). Dalam hal ini, pihak berautoriti iaitu JAKIM, ITC-MOTAC, juruaudit, badan pensijilan atau penguatkuasa dan sebagainya berperanan untuk memastikan pembangunan PHMM bergerak secara konsisten mengikut keperluan standard. Sekaligus, mencapai sasaran Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030: Ke Arah Pengukuhan Industri Pelancongan Negara (MOTAC, 2021).

Pendekatan Dakwah Profesional Dalam Eko-sistem Sektor Pelancongan Penginapan

Dapatkan kajian lepas, merumuskan bahawa tiada standard khusus yang dijadikan sebagai penanda aras pelancongan Islam termasuk hospitaliti mesra Muslim (Junaidi, 2020; Organization of Islamic Cooperation, 2018). Justeru, kajian ini mencadangkan penambahbaikan menerusi dakwah profesional bagi memperkasakan pelancongan Islam menerusi standardasi mesra Muslim. Hasil dapatan kajian berkaitan pendekatan dakwah profesional dalam sektor pelancongan dirumuskan dalam rajah 3.



Rajah 3: Kerangka Dakwah Profesional Dalam Eko-sistem Sektor Pelancongan Penginapan

Berpandukan rajah di atas, kelima-lima komponen dakwah adalah sasaran yang menyeluruh bagi memperkasakan sektor pelancongan di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, pendekatan dakwah adalah bersifat profesional di mana ia diterjemahkan melalui standardasi. Setiap bentuk pengiktirafan dan pensijilan mesra Muslim adalah selari dengan prinsip Syariah Islam mengikut keperluan pelancong Muslim.

Elemen Profesionalisme

Elemen profesionalisme merujuk kepada penglibatan agensi kerajaan, badan berautoriti, institusi pengajian tinggi dan badan swasta. Agensi-agensi ini bertanggungjawab untuk mengawal selia regulasi standard MS2610:2015. Tahap pelaksanaannya akan dinilai oleh juruaudit dengan memastikan operator /pemohon memenuhi keperluan standard melalui proses pengauditan. Langkah awal yang boleh diambil adalah mengenakan denda sekiranya, pemegang sijil tidak mematuhi keperluan pensijilan. Ataupun, premis perniagaan tersebut boleh dikategorikan sebagai NCI (ketidakpatuhan)/ OFI (*opportunity for improvement*). Setelah itu, apabila keperluan dipenuhi maka, sijil akan dikeluarkan. Walaubagaimanapun, kaedah ini memerlukan persefakatan semua pihak. Kempen-kempen perlu dipertingkat dengan menjemput agensi tertentu agar operator/ pemohon mendapat maklumat berkaitan kepentingan mendapatkan pensijilan mesra Muslim. Usaha yang berterusan juga dipanjangkan kepada pihak pentadbiran agar dapat ditambah kekuatan sumber manusia untuk mempertingkatkan proses pensijilan (N. F. Abdullah & Mukhtar, 2015). Seterusnya, matlamat pemerkasaan eko-sistem pelancongan Islam menerusi standard berjalan lancar.

Pendakwah (da'i)

Bagi menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang pelbagai etnik di Malaysia, pendakwah mestilah memahami sosio-budaya dan tatacara kehidupan sasaran dakwahnya (M. F. R. Abdullah, 2019). Pendakwah mestilah menjadikan dirinya sebagai *qudwah hasanah* iaitu contoh ikutan yang baik. Selain itu, memiliki kemahiran asas dan kelayakan dalam dakwah. Bahkan pendakwah mestilah memiliki sesuatu nilai yang mempunyai perbezaan dengan masyarakat awam (Mokhtar et al., 2014). Dalam hal ini, pihak berautoriti, badan pensijilan termasuk SIRIM, Pusat Pelancongan Islam di bawah agensi Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) serta Jabatan Standard Malaysia dan juruaudit berperanan sebagai pendakwah untuk menyeru pemain industri menawarkan produk dan perkhidmatan mesra Muslim. Selain itu, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri juga terlibat dalam memastikan setiap produk yang disediakan seperti penyediaan makanan dan minuman tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Usaha ini merupakan teras kepada pembangunan sektor pelancongan yang lebih mampan dan dinamik.

Sasaran dakwah (mad'u)

Mad'u adalah individu atau kumpulan yang memerlukan perhatian bimbingan dan didikan menjadi insan yang cemerlang. Oleh itu, pemain industri iaitu pihak operator, pemohon atau penyedia perkhidmatan merupakan sasaran dakwah kepada agensi berautoriti. Mereka perlu melaksanakan setiap elemen yang dinyatakan di dalam standard mesra muslim dalam operasi pengurusan hotel premis penginapan mereka.

Kandungan dakwah (mad'u bihi)

Kandungan dakwah pula, merujuk kepada persiapan pendakwah (M. F. R. Abdullah, 2019). Bahan dakwah harus sepadan dengan keadaan masyarakat Islam sehingga tercapai sasaran yang telah ditetapkan (Alimuddin, 2007). Adalah penting untuk mempunyai pengisian asas kepada ajaran Islam yang mencakupi persoalan iman (akidah), Islam (fiqh) dan Ihsan (akhlik).

Sehubungan itu, pendekatan dakwah professional dalam hospitaliti mesra Muslim adalah menerusi pengenalan standardisasi mesra Muslim (MS2610:2015) yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti. Ia adalah parameter dan panduan kepada operator untuk melaksanakan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Indikator-indikator standard adalah meliputi aspek bilik mempunyai ruang solat yang mencukupi, verifikasi arah kiblat, penyediaan makanan dan minuman halal, tandas yang dilengkapi dengan bidet serta kemudahan fasiliti yang berasingan. Oleh demikian, sistem regulasi dan polisi standard perlu dipertingkatkan agar selari dengan prinsip Islam.

Metod dakwah (qawa'id)

Manakala, kaedah dakwah ialah cara yang digunakan oleh pendakwah ketika menyampaikan dakwah. Imam al-Ghazali membahagikan kepada dua metod iaitu menerusi ucapan (*da'wah bi al-lisān*), dan menerusi tulisan (*da'wah bi al-kitābah*). Kemudian, beliau juga membahagikan kepada empat tahap bagi mengecapi matlamat dakwah. Bermula daripada pembinaan fikrah (*binā' al-fikrah*), pembinaan akidah (*binā' al-'aqīdah*), penerapan undang-undang (*taqnīm al-hukm*) dan seterusnya penguatkuasaan (*iqāmah al-hukm*) (Mokhtar et al., 2014). Sementara itu, bagi segmentasi PHMM, kaedah penulisan digunakan menerusi dokumen standard Malaysia yang diwartakan oleh pihak kerajaan. Dengan itu, juru audit dipertanggungjawabkan membuat pengauditan bagi memastikan pihak operator memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dalam pada itu, terdapat beberapa perkara yang dapat membantu keberkesanan dakwah. Sebagai contoh kerajaan boleh membuat perancangan dan mengatur strategi pemantapan polisi dan garis panduan standard, menjalankan hubungan yang baik untuk mendapat sokongan pelbagai pihak serta institusi gerakan dakwah yang lain. Akhirnya, membantu sumber dana kewangan dan memberi pengiktirafan.

Kemahiran atau pendekatan (Uslūb)¹

Seterusnya, *uslūb* ialah penyampaian dakwah. Adalah penting bagi pendakwah mempunyai kemampuan untuk menerangkan sesuatu maklumat kepada sasaran dengan cara yang mudah difahami. Namun begitu, persediaan dari pihak pemain industri adalah sangat penting untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut agar premis penginapan diiktiraf di peringkat domestik. Setelah semua syarat telah dipenuhi maka, sijil berkaitan akan dikeluarkan oleh pihak badan pensijilan. Sekiranya, terdapat sebarang kekurangan, pihak pemohon atau operator perlu melaksanakan penambah baikkan sehingga semua syarat yang dinyatakan dalam standard mesra Muslim telah dipenuhi dengan sempurna. Sekiranya operator masih tidak akur dengan peraturan yang ditetapkan, hukuman/ denda boleh dikenakan dengan menarik semula atau menggantung sijil pengiktirafan premis tersebut. Sebagai contoh ada di kalangan pengusaha merasakan tiada keperluan mengambil sijil halal kerana ia menyebabkan mereka terikat dengan peraturan dan pengauditan yang boleh menyebabkan sijil halal ditarik balik dan dikenakan tindakan (N. F. Abdullah & Mukhtar, 2015). Oleh demikian, pendakwah perlu bijak memberi alternatif berdasarkan persekitaran masyarakat.

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). *uslūb* bermasuk kaedah, cara atau berkhidmat untuk kebenaran. Perkataan ini lebih tepat digunakan untuk ilmu-ilmu bidang agama dan bahasa dalam bahasa Arab seperti *uslub nahu*, *uslub* dakwah. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Perbincangan Kajian

Pendekatan elemen dakwah profesional yang dibincangkan dalam kajian ini mungkin boleh diterima pakai bagi pengurusan operasi premis pelancongan penginapan. Menurut Jabatan Standard Malaysia (2015), MS2610:2015 digunakan sebagai penanda aras untuk memelihara integriti produk, kemudahan dan fasiliti mesra Muslim. Berdasarkan klausa 5.2, setiap organisasi perlu memastikan premis penginapan mematuhi syarat yang ditetapkan. Sebagai contoh, apabila bangunan premis tercemar dengan najis *mughallazah*, pihak organisasi harus melakukan kaedah pembersihan dan penyucian berdasarkan prosedur tertu. Namun, Amer Nordin & Abd Rahman, (2018) menyatakan bahawa standard MS2610:2015 memerlukan penambahbaikan dari segi perincian kriteria penginapan yang lebih komprehensif. Justeru itu, peranan dawah amatlah penting bagi memastikan keberkesanannya pelaksanaan standard tersebut dalam sektor perindustrian di Malaysia. Hasil dapatan yang diperolehi daripada sorotan literatur dan analisa kandungan dokumen membentuk kerangka awal pemerkasaan eko-sistem pelancongan Islam yang kemudiannya boleh dibincangkan secara terperinci dalam penyelidikan akan datang.

Kesimpulan

Konklusinya, perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim adalah salah satu produk pelancongan Islam. Kriteria standard yang dipatuhi dapat melayakkan sesebuah premis memperolehi pengiktirafan oleh badan pensijilan. Manakala, perkara yang dimaksudkan dengan dakwah professional adalah berdasarkan ajaran Nabi Muhammad SAW sebagai model utama menyampaikan dakwah dalam pelbagai aspek kehidupan. Analisa dibuat berdasarkan lima komponen dakwah iaitu *dacī* (pendakwah), *mad'u* (sasaran dakwah), *mad'u bihi* (kandungan), *qawa'id* (kaedah) dan *uslūb* (pendekatan). Usaha murni dalam menyampaikan dakwah secara berhikmah ini perlu mendapat sokongan bersama semua pihak yang terlibat. Hasil kerjasama tersebut dapat memancarkan keindahan Islam dan menyatukan hati nurani masyarakat pelbagai etnik dan agama untuk menerima Islam sebagai cara hidup sehari-hari. Justeru itu, elemen kesedaran, kefahaman dan komitmen yang tinggi terhadap amanah dan tanggungjawab pihak berautoriti amat mustahak. Ia membawa kepada keberhasilan dakwah dan kesejahteraan dunia akhirat. Akhir sekali, harapan Malaysia untuk memperkasakan pelancongan Islam dapat dicapai secara berperingkat menerusi pengukuhan syiar dakwah tersebut.

Penghargaan

Kajian ini merupakan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kod geran penyelidikan (FRGS/1/2020/SS01/USIM/02/7).

Rujukan

Al-Quran

Abdul Rahman, H. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 506–518.

Abdullah, M. F. R. (2019). *Fiqh Dakwah Masyarakat Majmuk di Malaysia*. 1–7.

Abdullah, N. F., & Mukhtar, M. (2015). Cabaran Pelaksanaan Pensijilan Halal di Perlis: Pengalaman Bahagian Penyelidikan dan Hab Halal. *The 2nd International Convention on Islamic Management 2015*, 1–19.

Abdullah, S. F., Othman, A., & Ismail, S. (2006). *Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)*. 1–10.

Ahmad, R. (2019). *Intention To Adopt Islamic Quality Standard : A Study Of Hotels in Peninsular Malaysia*. 15, 20–45.

- Al-hamarneh, A., & Steiner, C. (2004). *Islamic Tourism : Rethinking the Strategies of Tourism Development in the Arab World After September 11 , 2001*, 24(1), 173–182.
- Al-Hamarneh, A., & Steiner, C. (2004). Islamic tourism: Rethinking the strategies of tourism development in the Arab world after September 11, 2001. *Comparative Studies of South Asia, Africa and the Middle East*, 24(1), 173–182.
- Alim, H. T., Riansyah, A. O., Hidayah, K., Muslim, I., & Adityawarman. (2015). *Analisis Potensi Pariwisata Syariah Dengan Mengoptimalkan Industri Kreatif Di Jawa Tengah Dan Yogyakarta*.
- Alimuddin, N. (2007). Konsep Dakwah dalam Islam. *Jurnal Hunafa*, 4(No. 1, Maret 2007), 73–78.
- Amer Nordin, N. S., & Abd Rahman, F. (2018). A Critical Review of the Muslim-Friendly Hospitality Services Standard (MS 2610:2015) in Malaysia. *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)*, In hac 2016, 211–222. https://doi.org/10.1007/978-981-10-7257-4_20
- Azam, M. S. E., Abdullah, M. A., & Razak, D. A. (2019). Halal Tourism : Definition , Justification , And Scopes Towards Sustainable Development. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(February 2020), 23–31.
- Battour, M., & Ismail, M. N. (2016). Halal tourism: Concepts, practises, challenges and future. *Tourism Management Perspectives*, 19, 150–154. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2015.12.008>
- Battour, M. M., Ismail, M. N., & Battor, M. (2010). Toward a Halal Tourism Market. *Tourism Analysis*, 15(4), 461–470. <https://doi.org/10.3727/108354210X12864727453304>
- Bhuiyan, M. A. H., Siwar, C., Ismail, S. M., & Islam, R. (2011). Potentials of Islamic Tourism: A Case Study of Malaysia on East Coast Economic Region. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(6), 1333–1340.
- Che Omar, C. M., & Islam, M. S. (2019). Exploring the Validation of Islamic Hospitality Management in TOurism Destination: Malaysian Perspectives. *Journal of Hospitality and Networks*, 1, 34–43.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). *Kamus Dewan* (Edisi 4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali, M. R. (2020). Metodologi Dakwah Menurut Abdul Karim Zaidan (1917- 2014): Dalam Bukunya Usul Da'wah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(1), 235–249.
- Hamiza, A., Abdul, B., & Salleh, M. S. (2017). Islamic Hospitality With Special Reference To Malaysia. *Journal of Arts, Science & Commerce*, 8(1), 28–34.
- Ibrahim, Z., Zahari, M. S., Sulaiman, M., Jusoff, K., & Othman, Z. (2009). Travelling Pattern and Preferences of the Arab Tourists in Malaysian Hotels. *International Journal of Business and Management*, 4(7), 3–9.
- Islamic Tourism Centre of Malaysia (ITC). Malaysia Islamic Tourism Facts and Figures in Brief 2014/2015, Ministry of Tourism & Culture, Malaysia.
- Junaidi, J. (2020). Halal-friendly tourism and factors influencing halal tourism. *Management Science Letters*, 10(8), 1755–1762. <https://doi.org/10.5267/j.msl.2020.1.004>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Analisis Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 3, March*, 1–11.
- Kamri, N. 'Azzah, Sarif, S., Ali, N. A., & Tukiran, N. A. (2020). PNB dan Pengurusan Hotel Patuh Syariah: [PNB and Shariah Compliant Hotel Management]. *Ulum Islamiyyah*, 31, 67–79. <https://doi.org/10.33102/uj.vol31no.103>
- Laderlah, S. A., Rahman, S. A., Awang, K., & Man, Y. C. (2011). A Study on Islamic Tourism : A Malaysian Experience. *2011 2nd International Conference on Humanities, Historical*

- and Social Sciences IPEDR, 17, 184–189.*
- Mapjabil, J., Razak, R. R. A., Marzuki, M., & Zainol, R. M. (2015). Pelancongan Islam: suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space, 11*(1), 172–182.
- Mastercard, & CrescentRating. (2018). *Global Muslim Travel Index 2018* (Issue April, pp. 01–63).
- Md Ariffin, M. F. (2021). Pelancongan Dalam Perspektif Al-Quran Dan Sunnah : Analisis Model Mendepani Wabak Covid-19. *1 St INTERNATIONAL RESEARCH CONFERENCE ON SHARIAH COMPLIANT INDUSTRIES “ Shariah Compliant Industries : Global Economic Development ,” February*.
- Mokhtar, A. A., Choirin, M., Muhammad, Z. F., & Shahar, A. F. M. (2014). Fikrah Dakwah Shaykh Muhammad Al-Ghazali: Tumpuan dalam Kitab Fi Mawkip Al-Da’Wah dan Ma’a Allah: Dirasat fi al-Da’wah wa al-Du’at. *International Research Management and Innovation Conference, November*, 17–18.
- Noor Davids, M. (2015). Islamic Tourism in South Africa: An Emerging Market Approach. *Emerging Research on Islamic Marketing and Tourism in the Global Economy, December*, 248–268. <https://doi.org/10.4018/978-1-4666-6272-8.ch011>
- Noor Fiteri, A., & Masnisah, M. (2014). Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam 2014, 2000*, 1–9.
- Oktadiana, H., Pearce, P. L., & Chon, K. (2016). Muslim travellers ’ needs : What don ’ t we know ? *Tourism Management Perspectives, 20*, 124–130. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2016.08.004>
- Organization of Islamic Cooperation. (2018). *Strategic Roadmap for Development of Islamic Tourism in OIC Member Countries* (Issue July, pp. 1–72).
- Pew Research Center Religion & Public Life. (2015). *The Future of World Religions: Population Growth Projections, 2010-2050*. <http://www.pewforum.org/2015/04/02/religious-projections-2010-2050/>
- Sahir, J. A., & Azizan, M. (2018). *Proposing A Muslim-Friendly Hospitality Regulatory Framework Using Systems Approach*. April, 1–10.
- Salleh, N. H. M., Othman, R., Noor, A. H. S. M., & Hasim, M. S. (2010). Malaysian Tourism Demand From the Middle East Market : A Preliminary Analysis. *International Journal of West Asian Studies, 2*(1), 37–52. <https://doi.org/10.5895/ijwas.2010.03>
- Samori, Z., & Sabtu, N. (2014). Developing Halal Standard for Malaysian Hotel Industry: An Exploratory Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 121*(September 2012), 144–157. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.1116>
- Standard, M. (2015). *Muslim friendly hospitality services - Requirements MS 2610:2015* (pp. 1–20). Jabatan Standard Malaysian.
- Suci, A., Junaidi, Nanda, S. T., Kadaryanto, B., & FC, L. L. van. (2020). Muslim-friendly assessment tool for hotel: how halal will you serve? *Journal of Hospitality Marketing & Management, 9*(April), 1–10. <https://doi.org/10.24035/IJIT.18.2020.180>
- Suid, I. S., Nor, N. A. M., & Omar, H. (2017). A Review on Islamic Tourism and the Practical of Islamic Attributes of Destination in Tourism Business. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7*(12), 255–269. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i12/3609>
- Siti Syahirah Saffinee, H., Has-yun, K. S., Mahamod, H., Jamaludin, M. A., Muflih, B. K., & Othman, R. (2017). The Standard Elements for Muslim- Friendly Accommodation Premises. *JCIS, 3*(2), 121–134.
- Tajzadeh Namin, A . (2013). Value Creation in Tourism : An Islamic Approach. *International Research Journal of Applied and Basic Sciences, 4*(0).

- Usman, H., Sobari, N., & Sari, L. E. (2019). Sharia motivation in Muslim tourism definition, is it matter? *Journal of Islamic Marketing*, 10(3), 709–723. <https://doi.org/10.1108/JIMA-01-2018-0015>
- Wan Sahida Wan, Zulkifli, Suhaimi, A. R., Awang, K. W., & Che Man, Y. B. (2011). Developing the framework for halal friendly tourism in Malaysia. In *International Business Management* (Vol. 5, Issue 6 A, pp. 295–302). <https://doi.org/10.3923/ibm.2011.295.302>
- Yahaya, M. Z., Samsudin, M. A., & Kashim, M. I. A. M. (2020). Analisis Standard Hotel Mesra Muslim di Malaysia Berdasarkan Perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 43–53. <https://doi.org/10.24035/IJIT.18.2020.180>
- Zamani-farahani, H., & Henderson, J. C. (2010). Islamic Tourism and Managing Tourism Development in Islamic Societies: The Cases of Iran and Saudi Arabia. *International Journal of Tourism Research*, 89(July 2009), 79–89.